

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

HIS 301 - Sumber dan Prinsip Perundangan Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab TIGA [3] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Berikan takrif beserta huraian lengkap bagi perkara-perkara di bawah:
 - (a) Kaedah Perundangan Islam.
 - (b) Hukum Islam.

2. Apakah yang dimaksudkan dengan prinsip Mengurangkan Bebanan dan prinsip Beransur-ansur? Beri contoh tiap-tiap satu, kemudian nyatakan faedah kedua-dua prinsip tersebut dan hubungannya dengan Penerapan Nilai-nilai Islam pada masa kini.

3. Jawab semua perkara di bawah:
 - (a) Nyatakan faedah hukum Wad'i.
 - (b) Terangkan pembahagian hukum tersebut dan pecahan bahagian-bahagian berkenaan beserta contoh.
 - (c) Huraikan contoh-contoh di bawah berdasarkan kefahaman anda berhubung dengan hukum Wad'i:
 - i. Pelajar dihalang dari menduduki peperiksaan kerana kehadiran kuliah dan kelas tutorial tidak mencapai jumlah yang diperlukan.
 - ii. Ahmad disahkan sebagai pembunuh ayahnya, maka dengan itu ia diharamkan daripada mewarisi harta ayahnya.

4. Huraikan gaya bahasa al-Qur'an yang menunjukkan hukum suruhan, larangan dan pilihan, kemudian berikan dua [2] contoh bagi setiap bahagian berkenaan.

5. Jawab persoalan di bawah dengan huraian lengkap bagi menunjukkan Kaedah Perundangan Islam yang anda faham:
 - (a) Aminah menahan diri dari makan dan minum bermula dari naik fajar hingga jatuh matahari.
 - (b) Ali berhutang kepada Amir dan hutang itu telah dibayar sepenuhnya tanpa saksi dan bukti, setelah beberapa ketika kemudian Amir beserta bukti hutang Ali kepadanya mendakwa dan menuntut hutang tersebut di hadapan pengadilan.
 - (c) Jusu memukul perut ibu kambing Yunus. Seminggu kemudian ibu kambing itu melahirkan anaknya dalam keadaan anak itu hidup sebentar sahaja.
 - (d) Harta milikan seseorang yang disyaki luar kemampuannya.

-oooOOooo-